

PROGRAM MDA-SMEE P8 UNITED STATES OF NAVY

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4953-program-mda-smee-p8-united-states-of-navy

SUBANG, 7 Mei 19 - Majlis pembukaan program pesawat Boeing P8 'Poseidon Maritime Domain' Mda- Smee P8 'United States' mulai 7 hingga 10 Mei 19 telah dirasmikan oleh Pemangku Pegawai Memerintah No 16 Skuadron, Mej Mohd Kamil bin Mohd Noh TUDM di Auditorium Jejak Samudera No 16 Skuadron Pangkalan Udara Subang.

Program ini meliputi symposium penerbangan oleh kedua-dua Negara untuk memberikan lebih banyak perkongsian maklumat, pengalaman berkenaan dengan penerbangan Maritim kepada semua anak kapal di setiap Skuadron. Program ini juga telah memberikan manfaat kepada anak kapal tentang kelengkapan terkini pesawat P8 'Poseidon' yang akan memberikan impak yang tinggi selaras dengan hasrat perkhidmatan untuk memperolehi aset Maritim yang baru.

